

05 MAY 1998

Muhyiddin-Komanwel

MAHATHIR MAHU PENGLIBATAN RAKYAT JAYAKAN SUKAN KOMANWEL DIPERTINGKAT

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan kempen besar-besaran diadakan bagi memastikan penglibatan rakyat Malaysia bagi menjayakan Sukan Komanwel ke-16 September ini dipertingkatkan.

Arahan Perdana Menteri itu disampaikan sewaktu beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel di Jabatan Perdana Menteri semalam, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin berkata walaupun pelbagai kempen telah dan sedang berlangsung, penglibatan masyarakat dan keghairahan menyertai Sukan Komanwel belum cukup tinggi.

"Kesedaran tentang Sukan Komanwel memang tinggi tetapi perasaan untuk turut serta kurang. Perdana Menteri berpendapat ia belum cukup mantap dan masih ada ruang untuk dipertingkatkan," katanya pada satu sidang berita di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin, Dr Mahathir mengarahkan kempen besar-besaran dan lebih agresif diadakan di semua peringkat untuk memastikan penyertaan dan komitmen menyeluruh rakyat untuk menjayakan sukan itu secara langsung dan tidak langsung.

Muhyiddin berkata beliau telah memaklumkan kepada majlis tentang program-program yang akan digerakkan kementeriannya di peringkat negeri dan daerah, termasuk perhimpunan orang ramai, pengedaran poster, banting, pengibar bendera di bangunan-bangunan, kedai serta pertandingan hiasan dan lukisan.

Katanya, keperluan menggerakkan kempen secara besar-besaran ini perlu berdasarkan jumlah jualan tiket dalam dan luar negara yang hanya mencapai angka 70,000 setakat ini berbanding 1.26 juta yang dicetak.

"Nampaknya banyak yang perlu dilakukan untuk menjual tiket. Pihak Ticketing Express perlu menggandakan usaha pemasaran, termasuk melantik lebih banyak ejen serta membuat tawaran-tawaran istimewa," katanya.

Muhyiddin berkata langkah pemasaran yang agresif perlu kerana beliau bimbang masyarakat akan berpuas hati menonton siaran Sukan Komanwel menerusi kaca televisyen dan tidak menyaksikan secara langsung di stadium-stadium.

Katanya, persatuan-persatuan sukan boleh mengambil inisiatif meningkatkan penjualan tiket manakala Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) boleh mempengaruhi anggota-anggotanya menggalakkan penjualan di negara masing-masing.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir mengarahkan peningkatan usaha di peringkat jawatankuasa agar segala aspek diatur secara rapi dan tersusun memandangkan tempoh yang semakin dekat dan beliau berharap tiada timbul masalah-masalah besar.

"Beliau meminta kerjasama erat di antara pelbagai pihak, bukan sahaja organisasi tetapi juga masyarakat dan media dalam menjayakan Sukan Komanwel," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri mahu tahap kebersihan venue pertandingan, tandas-tandas dan tempat-tempat kunjungan orang ramai dipertingkatkan bagi menjaga imej negara.

"Perdana Menteri juga menyentuh tentang tugas sukarelawan dan mahu mereka berkhidmat dengan penuh dedikasi. Beliau turut bertanya tentang kecenderungan beberapa pihak yang mengambil peluang meraih keuntungan menggunakan nama Sukom dan menasihatkan mereka yang dihubungi supaya

menentukan kesahihan identiti golongan tertentu itu," katanya.

Muhyiddin berkata mesyuarat semalam menumpukan empat perkara iaitu publisiti dan komunikasi, acara pembukaan dan penutup, sistem trafik serta sistem pengangkutan awam.

Katanya, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan melaporkan program-program yang diadakan di dalam dan luar negara bagi mempromosikan sukan itu manakala segala kemudahan teknikal dan kakitangan bagi Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) di Angkasapuri telah diatur dan akan diuji semasa pra-sukan Komanwel dari 11 hingga 19 Julai.

Muhyiddin berkata majlis itu juga bersetuju dengan bentuk persembahan upacara pembukaan dan penutup, termasuk dua bentuk ciri-ciri kekaguman yang masih dirahsiakan dan hanya akan ditunjukkan semasa upacara itu.

Mengenai masalah jerebu dan kekurangan air, Muhyiddin berkata ia tidak dibincangkan kerana segala langkah bagi mengatasi masalah-masalah itu telah dibincang di peringkat jawatankuasa.

Katanya Perdana Menteri ada menyentuh persiapan atlet negara dan prospek pingat serta acara yang menjadi sasaran kontinjen Malaysia.

"Kita ada maklumkan fokus dan anggaran pingat kita...berdasarkan kepada reaksinya, beliau berpuas hati tetapi mahukan pencapaian negara dipertingkat agar lebih cemerlang," katanya.

Muhyiddin juga berkata seorang pegawai Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) sedang menjalankan ujian terakhir di Pusat Doping Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang yang dijangka menerima pengiktirafan akhir bulan ini.

-- BERNAMA

AR ZAB